

Kesan Buli Siber Terhadap Psikologi Individu: Kajian Kes Mahasiswa UTHM

**Muhamad Luqmanul Hakim¹, Dang Ra'il Zulaikha¹, Nur
Amirah Sahira¹, Wan Nursyakira Najwa¹, Farwizah Yusrin¹,
Mohamad Nur Hafizudin¹**

Universiti Tun Hussein Onn Malaysia, Kampus Cawangan Pagoh, Jalan Panchor,
Johor, 86400, MALAYSIA

* an220136@siswa.uthm.edu.my

DOI: <https://doi.org/10.30880/hsp.2023.03.01.007>

Received 10 October 2022; Accepted 7 Mei 2023; Available online 10 July 2023

Abstrak: Isu buli siber sering berlaku dalam kalangan masyarakat di seluruh dunia dan memberi impak yang negatif kepada psikologi seseorang yang menjadi mangsa kepada masalah buli siber ini. Buli siber ini terjadi dengan cara memuat naik komen dan mesej yang negatif kepada mangsa tanpa memikirkan psikologi mereka. Antara kesan buli siber ini dapat menyebabkan mangsa menjadi resah, murung serta masalah mental yang lain dan akan menjadi faktor kepada mereka merasakan yang membunuh diri adalah penyelesaian yang terbaik untuk mereka lari daripada masalah ini. Namun begitu, dengan sifat keprihatinan masyarakat dan semangat perpaduan yang tinggi dapat membantu mereka yang menjadi salah seorang mangsa buli siber dengan cara menyakinkan mereka untuk menceritakan masalah yang mereka alami atau mengingatkan mereka bahawa tidak menjadi masalah untuk berjumpa dengan inividu yang pakar dalam menangani masalah psikologi seperti ahli psikologi dan kaunselor. Dengan itu, bagi menangani masalah buli siber ini berlaku dengan menganalisa langkah-langkah untuk mengatasi masalah buli siber yang sering berlaku dalam kalangan masyarakat tanpa mengira usia mereka. Kaedah soal selidik yang digunakan adalah kuantitatif dengan cara membuat borang selidik menerusi platform Google form. Borang soal selidik ini telah digunakan bagi mendapatkan pandangan dan persepsi masyarakat awam dalam mengenal pasti faktor yang menyebabkan masalah buli siber ini terjadi dan kesan psikologi terhadap individu yang menjadi mangsa masalah ini. Borang soal selidik ini telah disebarluaskan kepada pelajar-pelajar di UTHM bagi mendapatkan pandangan yang lebih jelas berkaitan masalah buli siber dalam kalangan masyarakat dan tahap kefahaman isu semasa tentang masalah buli siber di negara ini. Seramai 85 orang responden dari kalangan pelajar di UTHM telah menjawab soal selidik tentang masalah buli siber dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Di samping itu, kaedah pembacaan artikel, sedutan berita dan mengambil isi dalam perbincangan ilmiah juga merupakan satu kaedah yang telah dijalankan bagi faktor yang menyebabkan masalah buli siber ini terjadi dalam kalangan masyarakat di Malaysia. Dapatan kajian telah dibincangkan dengan teliti di dalam laporan ini.

*Corresponding author: an220136@siswa.uthm.edu.my

2023 UTHM Publisher. All rights reserved.

publisher.uthm.edu.my/periodicals/index.php/hsp

Antara faktor am jenayah buli siber ini terjadi disebabkan ketidakpuasan hati seseorang terhadap individu tertentu sama ada atas sebab prilaku, kemewahan, penampilan dan beberapa perkara lagi yang ada pada mangsa. Tambahan pula, penggunaan teknologi yang tiada hadnya menjadikan pembuli siber lebih berani dalam mendera mangsa secara mental dengan menggunakan kata-kata negatif bertujuan untuk menyakiti hati mangsa sekaligus memberi penderaan emosi dan mental kepada mangsa. Konklusinya, daripada kajian ini kami dapat mengkaji kesan buli siber terhadap psikologi individu yang menjadi mangsa masalah buli siber ini. Oleh yang demikian, masyarakat hendaklah prihatin dan bekerjasama dalam menangani masalah ini bagi melahirkan generasi masyarakat yang sihat. Masalah ini perlu diambil serius oleh semua pihak untuk mengatasi masalah buli siber ini daripada sering terjadi dari semasa ke semasa. Masyarakat yang tidak sihat akan memberikan impak yang negatif kepada negara. Kecanggihan medium teknologi maklumat pada ketika ini sememangnya memudahkan masyarakat berkomunikasi atau mendapatkan informasi terkini mengenai isu semasa namun ianya juga menjadi platform bagi jenayah buli siber yang semakin meningkat saban hari.

Kata Kunci: Buli Siber, Kesan, Psikologi Individu , Perspektif Mahasiswa

1. Pengenalan

Teknologi maklumat dan komunikasi merupakan medium penting yang sering digunakan oleh semua lapisan masyarakat. Pada peringkat global, teknologi ini adalah sangat meluas dan semua masyarakat dengan kepelbagaiannya menjadikannya sebagai satu platform penyebaran informasi, kaedah pencarian maklumat dan sumber pendapatan sama ada pendapatan tetap mahupun sampingan.

Berdasarkan situasi pada hari ini, penggunaan teknologi ini telah jauh tersasar daripada tujuan asal penghasilannya. Sebagai contoh, masyarakat pada masa kini menggunakan platform media sosial sebagai tempat untuk meluahkan ketidakpuasan hati mereka terhadap seseorang dengan memberi komen yang negatif tatkalanya berupa cacian dan makian atau mereka menghasut orang ramai untuk mengecam pendapat seseorang antara punca berlakunya masalah buli siber ini sehingga timbulnya fitnah yang mengaibkan individu tersebut. Selain itu, pembuli siber kurang mendapat perhatian yang cukup daripada keluarga dan insan terdekat juga salah satu punca mereka membuat demikian. Ini terjadi apabila mangsa memberikan perhatian kepada cacian dan penghinaan daripada mereka ini, pembuli siber ini seolah perhatian daripada seseorang dengan cara yang terkutuk. Perkara ini juga dapat memuaskan hati mereka tanpa menghiraukan perasaan dan mental mangsa mereka. Di samping itu, kurangnya nilai-nilai agama dalam diri pembuli siber ini juga merupakan salah satu punca berlakunya buli siber ini. Seperti yang kita tahu, semua agama menggalakkan penganutnya untuk melakukan kebaikan di dunia dan melarang sama sekali untuk melakukan perbuatan yang keji dan berdosa di sisi agama seperti dalam konteks kita ini iaitu buli siber yang sinonim dengan penderaan secara mental kepada mangsa.

Maka terhasilnya mereka yang menjadi pembuli alam maya atau dikenali sebagai kegiatan buli siber. Terdapat banyak kesan buli siber yang jelas memberi impak negatif terhadap pelaku mahupun mangsa buli siber itu sendiri. Antara kesan terhadap mangsa buli siber ialah tekanan perasaan, persepsi buruk daripada masyarakat, kemerosoton akademik dan kerjaya. Oleh itu, terdapat pelbagai langkah proaktif yang boleh diambil bagi mengatasi kes buli siber yang sedang berlaku dalam kalangan masyarakat Malaysia. Hal ini supaya, pengguna sedar akan kepentingan dalam menjaga adab dan nilai murni di media sosial.

1.1 Objektif Kajian

- i Mengenal pasti punca-punca berlakunya buli siber di dalam kalangan masyarakat di Malaysia.
- ii Mengkaji kesan buli siber terhadap psikologi individu seseorang yang menjadi mangsa kepada masalah buli siber.
- iii Menganalisa langkah-langkah untuk mengatasi masalah buli siber agar tidak menjadi lebih kritikal pada masa akan datang.

1.2 Pernyataan Masalah

“Apabila satu atau lebih kehendak asal mereka tidak dipenuhi, mereka mungkin menjadikan buli siber sebagai teknik untuk memenuhi keperluan matlamat tersebut sehingga kes buli siber bukan sahaja dipromosikan oleh anak muda, malah turut berlaku dalam kalangan orang dewasa.”(Hafizah Omar Zaki, 2022). Selain itu, ”Kesan fizikal kepada mangsa termasuk gangguan pada pola makan dan tidur. Hal ini menyebabkan mangsa akan sentiasa berasa penat dan kelelahan. Mangsa juga sering melakukan perbuatan melukakan dan mencederakan diri sendiri sehingga akhirnya jika tidak dibendung akan mengakibatkan bunuh diri.”(Nur Alieya Afeeqa binti Rosdaud, 2021). Di samping itu, ”Jika seseorang itu menjadi mangsa buli siber, mereka perlu melaporkan kejadian tersebut kepada ibubapa penjaga, kaunselor sekolah mahupun guru dan menyimpan segala mesej yang diterima melalui media sosial sebagai bukti. Mangsa buli siber juga dinasihatkan untuk mengendahkan segala provokasi yang diterima dari pembuli siber.” (Dr. Hargeet Kaur a/p Basant singh, 2013).

2. Sorotan Karya

Sorotan pertama bagi objektif satu ialah kajian yang bertajuk Kelangsungan dalam media dan kesannya terhadap tingkah laku agresif para pelajar. Umumnya, dalam kajian ini pengkaji banyak mengetengahkan isu yang berkaitan pemersalanan tingkah laku seseorang terhadap kesan negatif dalam penggunaan media dalam atas talian. Hal ini boleh dibuktikan dalam kajian tersebut. Pengkaji banyak memperlihatkan faktor-faktor yang menyebabkan pelajar tersebut dipengaruhi oleh perbuatan mereka dalam penggunaan media sosial. Contohnya, pengkaji menyatakan bahawa sebab berlakunya perkara tersebut adalah kerana pelajar menonton cerita yang ganas, kerap menggunakan media sosial dengan jangka masa yang lama serta kerap bercakap perkataan yang kesat dalam media sosial.

Seterusnya, kajian sebelum ini yang boleh dikaitkan dengan objektif pertama adalah melalui kajian (Naquiah Nahar, Sahrunizam Sangi, Dharsigah A/P Baniear Salvam, Nurhidayu Rosli dan Abdul Hafiz Abdullah) yang bertajuk impak negatif teknologi modena dalam kehidupan dan perkembangan kanak-kanak hingga usia remaja pada tahun 2017. Dalam kajian tersebut, para pengkaji mengkaji berkaitan dengan isu penggunaan teknologi yang memberi impak kepada perkembangan kanak-kanak dari usia mereka kecil hingga mereka capai usia remaja. Hal ini boleh dibuktikan, dengan dalam kajian ini pengkaji banyak memperlihatkan para remaja begitu serius dengan media sosial. Mereka leka sehingga tidak sedar yang media sosial dapat memberi kesan negatif yang sangat banyak dalam kehidupan searian mereka.

Tambahan pula, generasi muda kini sangat bergantung kepada telefon bimbit, internet dan penggunaannya sudah mencapai tahap maksimum. Walaupun teknologi ini menawarkan banyak faedah, tetapi ia akan menjadi mudarat jika seseorang itu bermain dengan berlebihan, sekaligus menjadikan remaja lebih mudah terdedah kepada buli siber. Melalui responden buli siber terdiri daripada mesej yang mengancam, ancaman yang berterusan dan mengandungi unsur lucah dalam media sosial. Secara tidak langsung, ia dapat memberi pengaruh yang negatif kepada remaja dan juga dapat merosakan akal fikiran mereka dengan perkara-perkara yang tidak baik. Perkara ini sangat membimbangkan, kerana mereka terpaksa menghadapi perkara negatif ini walaupun masih muda. Ini

kemungkinan dapat memberi kesan kepada mental dan fizikal mereka kelak, jika tiada pengawasan daripada ibu bapa atau orang-orang sekelilingnya.

Terdapat beberapa istilah yang digunakan bagi menggambarkan buli siber ini seperti ‘sexting’ yang merujuk kepada gambaran seksual di Internet atau telefon bimbit ‘trolling’ merujuk kepada komen menghina yang berterusan di laman sosial serta ‘griefing’ yang merujuk kepada gangguan terhadap seseorang dalam permainan siber. (Smith dan Steffgen, 2013). Buli siber di definisikan sebagai kombinasi tiga komponen iaitu perbezaan kuasa, niat untuk menyakiti dan pengulangan. Weber et al. (2014). Buli siber boleh terjadi dalam dua bentuk iaitu secara langsung atau tidak langsung (Kowalski et al., 2012). Menurut (Patchin & Hinduja, 2012) buli siber adalah perlakuan agresif yang berlaku seiring dengan perkembangan teknologi maklumat dan komunikasi melalui elektronik seperti texting, perbualan dalam talian dan juga menerusi media sosial.

Buli siber ini dilakukan secara sengaja dengan tujuan untuk menyakiti dan mengancam orang lain (Carter, 2013). Aricak (2009) juga mendapati buli siber adalah suatu perbuatan ancaman kepada individu yang dilakukan oleh seseorang sama ada secara individu atau berkumpulan yang melibatkan penggunaan ICT seperti e-mel, peti simpanan mesej, telefon pintar dan sebagainya. Seterusnya, Ayas dan Deniz (2014) menyatakan bahawa buli siber merupakan perbuatan disengajakan yang dilakukan ketika menggunakan Internet dan laman sosial yang lain. Kecanggihan teknologi yang mesra pengguna membolehkan ia di bawa ke mana sahaja menyebabkan buli siber boleh disebarluaskan tanpa had dan sempadan serta dilakukan secara berulang-ulang. Antaranya ialah menghantar mesej, gambar dan video yang memalukan individu (Patchin & Hinduja, 2012). Kira-kira 84% mangsa buli siber melaporkan bahawa mereka dibuli oleh individu yang dikenali misalnya rakan sekelas, rakan sepermainan dan bekas kekasih. (Hinduja dan Patchin 2009). Apabila pembuli dan mangsa ada satu perhubungan yang kuat seperti kemudahan teknologi yang dijadikan medium untuk membala dendam secara terus.

Siber buli memberi impak yang sangat buruk kepada semua peringkat umur. Accordino (2011) menyatakan bahawa masalah utama berlakunya buli siber ini ialah kerana tiada sekatan. Tambahan pula remaja kini menggunakan teknologi yang tidak dapat dilihat iaitu alam maya. Disebabkan si pembuli berjauhan dengan si mangsa, membuatkan pelaku tidak mempunyai perasaan empati kepada mangsa. Selain itu, norma sosial baharu masa kini yang membenarkan salah laku berleluasa secara dalam talian. Ini secara tidak langsung membuatkan si pembuli itu menjadi tidak bertanggungjawab kerana berselindung dari personality yang tidak diketahui oleh orang ramai. Dengan kehadiran media sosial ini dapat membantu si pembuli untuk membala dendam tanpa diketahui identitinya.

Ibu bapa adalah orang yang sangat penting dalam membentuk keperibadian seorang kanak-kanak mahupun remaja. Menurut kajian Ybarra dan Mitchell (2004) seramai 1,501 remaja lelaki dan perempuan yang berusia 10 hingga 17 tahun mendapati remaja yang terlibat dalam buli siber mempunyai tahap hubungan yang lemah dengan ibu bapa. Selain rakan-rakan seperjuangan, ibu bapa adalah orang yang terdekat, maka mereka seharusnya memberi kasih sayang yang secukupnya dan contoh dan contoh yang baik agar seseorang itu dapat dibesarkan dalam suasana yang sentiasa positif. Eksi (2012) menyatakan bahawa sikap ibu bapa mempengaruhi sikap pelajar terhadap masalah buli siber. Apabila ibu bapa tidak cakna akan tindakan anak mereka, anak tersebut akan merasa bebas untuk melakukan apa sahaja tanpa rasa takut dimarahi. Sangat berbeza dengan dahulu, jika seorang anak itu mengeluarkan kata-kata kesat sama ada sengaja atau tidak, ibu bapa akan memberi pengajaran kepada anaknya. Berbanding ibu bapa zaman sekarang, mereka tidak kisah malah sangat berlembut dengan anak mereka dan takut untuk memukul anak mereka. Menurut Kowalski et al. (2012), komunikasi yang baik antara ibu bapa dan anak-anak merupakan kunci kepada kewujudan hubungan yang lebih erat.

Apabila ibu bapa memberi perhatian sepenuhnya kepada anak-anak, mereka akan menghormati ibu bapa dan dapat mengeratkan lagi silaturahim antara mereka sekeluarga. Apabila sesebuah pasangan mendengar luahan anak mereka, ini dapat mewujudkan kepercayaan antara anak dan ibu bapa. Ini dapat membantu kanak-kanak atau remaja tersebut lebih suka untuk meluahkan perasaan atau hari-hari mereka kepada ibu bapa. Sebaliknya, anak-anak memilih untuk mengelak daripada memberitahu ibu bapa sekiranya terlibat dengan buli siber. Fanti, Demetriou dan Hawa (2013) mendapati peranan ibu bapa berpotensi dalam mencegah remaja daripada terlibat dengan buli siber kerana remaja yang mendapat sokongan ibu bapa kurang terlibat dengan buli siber. Begitu juga dengan Floros et al. (2013) yang menyatakan bahawa ikatan yang kuat antara ibu bapa dan anak menjadi faktor yang signifikan dalam penglibatan ibu bapa terhadap keselamatan atas talian.

Perlakuan buli siber juga dikaitkan dengan kekerapan individu terlibat dengan penggunaan Internet. Terdapat juga kecenderungan pengguna Internet yang ingin berkongsi semua maklumat peribadi untuk tatapan umum sehingga boleh mengancam keselamatan mereka. Hinduja dan Patchin (2009) turut menunjukkan kebimbangan terhadap kecenderungan orang awam khususnya remaja untuk mendedahkan kesemua maklumat peribadi untuk dikongsi kepada awam melalui mesej dan video sehingga menyebabkan orang biasa kelihatan seperti artis atau bintang ternama. Menurut Eksi (2012) semakin banyak seseorang individu terlibat dengan penggunaan Internet, maka semakin berisiko mereka untuk terlibat sebagai pembuli siber atau mangsa buli siber. Pembuli siber lebih kerap menggunakan Internet dalam sehari berbanding dengan individu yang tidak terlibat dengan buli siber, yang mana ini akan lebih mendedahkan mereka dengan situasi buli siber. (Ybarra dan Mitchell 2004). Cankaya dan Tan (2010) mendapati faktor ketagihan Internet mendorong kepada berlakunya buli siber. Tambahan pula, remaja zaman sekarang yang mempunyai akses kepada pelbagai teknologi akan meningkatkan risiko sama ada menjadi pembuli siber atau mangsa buli siber termasuklah peralatan teknologi yang digunakan tanpa pemantauan ibu bapa seperti telefon bimbit, komputer riba dan komputer peribadi yang digunakan dalam bilik. (Carter dan Wilson 2015)

Kajian beliau juga mendapati sebanyak 68% mangsa buli kerap menggunakan laman sosial seperti MySpace, Facebook dan Twitter. Li dan Fung (2012) juga mendapati pelajar yang mengakses Internet di rumah dan mempunyai telefon bimbit lebih kerap mengalami buli siber berbanding yang tidak mempunyai kemudahan tersebut. Pelajar yang lebih banyak meluangkan masa secara atas talian seperti mengakses Internet dalam bilik lebih kerap terlibat dengan hiburan dalam talian dan mesej atas talian sekali gus lebih cenderung terlibat dengan buli siber (Zhou et al. 2013). Menurut Walrave dan Heirman (2011), mangsa dan pembuli siber secara umumnya merupakan pengguna tegar Internet dan kebanyakannya mempunyai kemahiran dalam talian yang tinggi. Sementara itu, Satpathy dan Ganth (2015) mendapati lelaki lebih aktif sebagai pengguna Internet berbanding dengan perempuan dan mereka lebih kerap menjadi mangsa buli siber.

Kesimpulannya, kita haruslah peka terhadap sesuatu perkara walaupun ia mendarangkan faedah tetapi terdapat juga kesan buruk yang mungkin memberi kesan kepada seseorang dalam jangka masa yang lama. Ia bukan sahaja memberi kesan kepada mangsa tetapi juga si pembuli itu sendiri. Seseorang itu akan kerap melakukan perkara negatif dalam hidup mereka dengan hanya di hujung jari. Semakin canggih sesuatu teknologi tidak bermakna hanya akan memberi impak yang baik sahaja kepada pengguna, tetapi impak negatif juga akan memberi kesan. Akhir sekali, ibu bapa dan orang sekeliling memberi peranan yang penting dalam tempoh pembesaran kanak-kanak dan remaja untuk membentuk peribadi yang baik dan mulia. Bak kata pepatah, melentur buluh biarlah dari rebungnya. Mendidik biar dari awal agar tidak menyesal di kemudian hari. Dan jangan kita jadi seperti sudah terhantuk baru terngadah, sudah mendapat kesusahan baru hendak berhati-hati.

3. Metodologi

Metodologi kajian merangkumi cara, kaedah, dan pendekatan yang digunakan dalam mencapai tujuan dan objektif kajian. Dalam mencapai objektif ini, terdapat dua kaedah telah digunakan iaitu melalui kaedah kuantitatif dan juga kaedah pustaka.

Melalui kaedah kuantitatif, soal selidik telah digunakan bagi mendapatkan pandangan masyarakat awam dalam mengenal pasti punca dan faktor yang menyebabkan berlakunya buli siber dalam kalangan masyarakat Malaysia yang kini semakin berleluasa. Borang soal selidik telah diedarkan kepada para pelajar UTHM Pagoh dan juga masyarakat awam bagi mendapatkan pendapat yang lebih jelas terhadap pengetahuan dan pemahaman mereka mengenai buli siber yang telah berlaku di kalangan masyarakat kita. Borang soal selidik ini dilakukan dalam bentuk *Google form*.

Selain itu, kaedah Pustaka juga digunakan. Kaedah pustaka seperti sedutan berita, pembacaan artikel dan mengambil isi dari perbincangan ilmiah juga merupakan satu kaedah yang telah dilaksanakan bagi mengenal pasti punca berlakunya buli siber dalam masyarakat Malaysia. Pencarian sumber internet, buku, akhbar, dan artikel yang berkaitan dengan buli siber menjadikan maklumat yang dikaji dapat dikumpulkan dan diakses dengan lebih terperinci. Hal ini secara tidak langsung dapat membantu kami dalam mengumpulkan data maklumat yang dikehendaki demi mencapai objektif kajian.

4. Dapatan Kajian


Ruangan ini menerangkan keputusan kajian data berdasarkan soal selidik daripada rakyat Malaysia berkenaan isu tentang Buli Siber Dalam Kalangan Masyarakat Malaysia. Terdapat 2 bahagian di dalam soal selidik yang dijalankan ini iaitu bahagian A melibatkan demografi responden, bahagian B melibatkan pengetahuan umum berkaitan masalah buli siber yang berlaku dalam masyarakat di Malaysia iaitu definisi buli siber, bagaimana buli siber berlaku, faktor berlakunya masalah buli siber, kesan buli siber terhadap psikologi individu seseorang dan akhir sekali langkah untuk mengatasinya masalah buli siber ini agar tidak menjadi lebih kritikal pada masa akan datang.

4.1.1 Demografi Responden

Berikut merupakan demografi responden seramai 85 orang mengambil bahagian di dalam soal selidik yang di jalankan menerusi pautan *Google Form*.


Rajah 1

JANTINA
85 responses




Rajah 2

UMUR
85 responses



Rajah 3

KAUM
85 responses



Rajah 1, 2 dan 3: Demografi Responden dalam aspek Jantina, Umur dan Kaum

Berdasarkan rajah 1 di atas, seramai 53 orang responden adalah daripada kalangan lelaki yang melibatkan peratusan sebanyak 63.5% dan seramai 32 orang responden adalah daripada kalangan perempuan yang melibatkan peratusan sebanyak 36.5%.

Berdasarkan rajah 2 di atas, terdapat seramai 47 orang responden adalah daripada julat umur 17- 20 tahun yang melibatkan peratusan sebanyak 53.3% dan seramai 34 orang responden pula adalah daripada julat umur 21-24 tahun yang melibatkan peratusan sebanyak 40.0%. Akhir sekali, seramai 4 orang responden adalah daripada julat umur 25 tahun dan ke atas dengan peratusan sebanyak 4.7%.

Berdasarkan rajah 3 di atas, terdapat seramai 78 orang responden adalah daripada kaum Melayu yang melibatkan peratusan sebanyak 91.8% , manakala seramai 1 orang responden daripada kaum Cina dengan peratusan 1.1% , manakala seramai 6 orang responden daripada kaum lain-lain dengan peratusan 7.1% , manakala tiada responden daripada kaum India.

4.1.2 Pengetahuan am mahasiswa berhubung isu buli siber pada masa kini

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Buli siber adalah sejenis gangguan yang menggunakan cara komputer untuk menganggu seseorang .	81	4	95.3	4.7
Buli siber adalah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (SMS), chatting, e-mel, laman web sosial, telefon bimbit atau permainan internet.	85	0	100	0

Jadual 1: Definisi Buli Siber

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Mencuri dan menyalahgunakan kata laluan atau <i>username</i> atau menyamar sebagai orang lain.	77	8	90.6	9.4
Menyebarluaskan e-mel, video atau gambar kepada orang lain.	80	5	94.1	5.9
Menghantar mesej yang menganggu dan mengancam mangsa.	85	0	100	0
Memuat naik komen, menghantar mesej, gambar atau video yang berunsurkan seksual untuk menjatuhkan maruah seseorang	84	1	97.7	0.3

Jadual 2: Kaedah Buli Siber

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Kurangnya pengetahuan nilai-nilai agama dalam diri pembuli siber	78	7	91.8	8.2
Pembuli siber kurang mendapat perhatian yang cukup daripada keluarga dan insan terdekat	79	6	92.9	7.1
Ketidakpuasan hati seseorang terhadap individu tertentu sama ada atas sebab perilaku, kemewahan dan penampilan	83	2	97.6	2.4

Jadual 3: Faktor Buli Siber

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Berasa resah atau marah semasa melayari internet	71	14	83.5	16.5
Berasa ingin berseorangan dan menjauhkan diri dari bersosial dengan rakan yang lain	77	8	90.6	9.4

Jadual 4: Kesan Buli Siber

Soalan	Bilangan		Peratusan (%)	
	Ya	Tidak	Ya	Tidak
Menyekat akaun pembuli siber	82	3	96.5	3.5
Mengabaikan komen atau cacian yang dilemparkan	79	6	92.9	7.1
Jangan berkongsi butiran peribadi di laman media sosial	83	2	97.6	2.4
Membuat laporan kepada pihak berkuasa terhadap perlakuan si pembuli siber	83	2	97.6	2.4

Jadual 5: Langkah Mengatasi Isu Buli Siber

Berdasarkan jadual 1 di atas, seramai 81 orang responden bersetuju dengan kenyataan yang mengerti apakah itu buli siber iaitu buli siber adalah sejenis gangguan yang menggunakan cara berkomputer untuk mengganggu seseorang dengan peratusan 81.0%, manakala seramai 4 orang responden tidak bersetuju terhadap kenyataan ini dengan peratusan 4.7%. Manakala, kesemua responden dengan peratusan 100% menyokong kenyataan apakah itu buli siber iaitu buli siber adalah perbuatan mengancam, memalukan atau menakutkan seseorang melalui medium elektronik seperti mesej teks (SMS) chatting, e-mel sosial, telefon bimbit atau permainan internet.

Jadual 2 pula menjelaskan kaedah buli siber berlaku, seramai 77 orang responden bersetuju bagaimana masalah buli siber ini berlaku dengan cara mencuri dan menyalahgunakan kata laluan atau username atau menyamar sebagai orang lain dengan peratusan 90.6%, manakala seramai 8 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 9.4%. Seterusnya, seramai 80 orang responden bersetuju bagaimana masalah buli siber boleh berlaku dengan menyebarkan video, gambar kepada orang lain dengan peratusan 94.1% manakala seramai 5 orang responden tidak bersetuju dengan

kenyataan ini dengan peratusan 5.9%. Selain itu, seramai 85 orang responden bersetuju bagaimana masalah buli siber boleh berlaku dengan menghantar mesej yang menganggu dan mengancam mangsa dengan peratusan 100% manakala tiada responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 0%. Akhir sekali, seramai 84 responden bersetuju masalah buli siber ini berlaku dengan cara memuat naik komen, menghantar mesej, gambar atau video yang berunsurkan seksual untuk menjatuhkan maruah seseorang dengan peratusan 97.7% manakala hanya 1 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini peratusan 0.3%.

Berdasarkan jadual 3 di atas, seramai 78 orang responden bersetuju faktor berlakunya masalah buli siber adalah kurangnya pengetahuan nilai-nilai agama dalam diri pembuli siber dengan peratusan 91.8%, manakala seramai 7 orang responden tidak menyokong pernyataan ini dengan peratusan 8.2%. Seterusnya, seramai 79 orang responden bersetuju faktor berlakunya masalah buli siber adalah pembuli siber kurang mendapat perhatian yang cukup daripada keluarga dan insan terdekat dengan peratusan 92.9%, manakala seramai 7 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 7.1%. Akhir sekali, seramai 81 orang responden bersetuju faktor berlakunya masalah buli siber adalah ketidakpuasan hati seseorang terhadap individu tertentu sama ada atas sebab perilaku, kemewahan dan penampilan dengan peratusan 97.6%, manakala seramai 2 orang tidak setuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 2.4%.

Jadual 4 di atas menjelaskan tentang kesan buli siber, seramai 71 orang responden bersetuju kesan masalah buli siber terhadap psikologi seseorang akan berasa resah atau marah semasa melayari internet dengan peratusan 83.5%, manakala seramai 14 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 16.5%. Seterusnya, seramai 77 orang responden bersetuju kesan masalah buli siber terhadap psikologi seseorang mangsa berasa ingin berseorangan dan menjauhkan diri dari bersosial dengan rakan yang lain dengan peratusan 90.6%, manakala seramai 8 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 9.4%. Selain itu, terdapat juga soalan yang bertanyakan pendapat mereka mengenai kesan masalah buli siber. Antara jawapannya adalah ianya sangat memberi impak yang besar kepada psikologi individu kerana dengan perkataan yang tidak baik dilemparkan membolehkan seseorang itu mengalami tekanan, murung malah sehingga menyebabkan seseorang mengambil keputusan untuk membunuh diri. Lebih baik untuk sentiasa menyedari dengan sekeliling kita kerana orang yang dibuli ini lebih memilih untuk berdiam diri kerana mereka berfikir diri mereka tidak layak untuk dihargai. Selain itu, kesan negatif terhadap isu buli siber yang akan berlaku kepada mangsa ialah mangsa akan mengalami tekanan dan depresi sehingga mampu memudararatkan mentaliti dan tahap kesihatan mangsa. Disamping itu, mangsa mengalami depresi. Hal ini kerana buli siber mengakibatkan seseorang diserangi dari segi mental yang menjerumus kepada depresi. Sebagai contoh mangsa akan muahu bersendirian dan lebih dahsyat lagi ingin membunuh diri.

Daripada jawapan di atas, kita dapat lihat buli siber ini sangat memberi impak yang negatif kepada psikologi seseorang yang menjadi mangsa kepada buli siber ini. Hampir kesemua responden memberi jawapan yang sama iaitu, mangsa akan mengalami kemurungan yang teruk disebabkan perkataan tidak baik dilemparkan kepada mereka dan diserangi dari segi mental. Akibatnya, mereka akan memilih untuk bersendirian dan tidak bergaul dengan orang lain. Perkara ini perlu dipandang serius oleh kita semua kerana membiarkan mereka berseorangan tanpa mendapat pertolongan daripada ahli keluarga, sahabat atau pakar yang bertauliah mengakibat mereka mengalami kemurungan yang lebih teruk. Majoriti jawapan daripada responden mengatakan mereka yang menjadi mangsa kepada buli siber ini memilih untuk membunuh diri apabila mereka tidak dapat lagi untuk bertahan dalam mengalami masalah kemurungan menjadi mangsa pada masalah ini. Kita hendaklah mengelakkan perkara itu terjadi yang menyebabkan mangsa buli siber merasakan membunuh diri adalah jalan terbaik untuk mereka lari dari masalah ini.

Berdasarkan Jadual 5 di atas, seramai 82 orang responden bersetuju cara untuk mengatasi masalah masalah buli siber ini adalah dengan cara menyekat akaun pembuli siber dengan peratusan

96.5%, manakala seramai 3 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 3.5%. Seterusnya, seramai 79 orang responden bersetuju cara untuk mengatasi masalah masalah buli siber ini adalah dengan cara mengabaikan komen atau cacian yang dilemparkan dengan peratusan 92.9%, manakala seramai 6 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 7.1%. Disamping itu, seramai 83 orang responden bersetuju cara untuk mengatasi masalah masalah buli siber ini adalah dengan cara jangan berkongsi butiran peribadi di laman media sosial dengan peratusan 97.6%, manakala seramai 2 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 2.4%. Akhir sekali, seramai 83 orang responden bersetuju cara untuk mengatasi masalah masalah buli siber ini adalah dengan cara membuat laporan kepada pihak berkuasa terhadap perlakuan si pembuli siber dengan peratusan 97.6%, manakala seramai 2 orang responden tidak bersetuju dengan kenyataan ini dengan peratusan 2.4%.

5. Kesimpulan

Kecanggihan medium teknologi maklumat pada ketika ini sememangnya memudahkan masyarakat berkomunikasi atau mendapatkan informasi terkini mengenai isu semasa namun ianya juga menjadi platform bagi jenayah buli siber yang semakin meningkat saban hari. Oleh itu, kesedaran tentang impak negatif buli siber perlu ditekankan dan didedahkan kepada masyarakat Malaysia seperti jenayah ini mampu merendahkan keyakinan diri dan mengganggu emosi mangsa yang terlibat. Kajian yang dijalankan dalam kalangan pelajar UTHM sedikit sebanyak dapat menilai tentang tahap pendedahan keseriusan isu buli siber di Malaysia. Berdasarkan maklumat yang diperolehi daripada pengumpulan maklum balas responden, faktor tertinggi yang menyebabkan berlakunya buli siber yang tidak terkawal di Malaysia adalah kerana ketidakpuasan hati seseorang terhadap individu tertentu sama ada atas sebab perilaku, kemewahan atau pernampilan seseorang dengan seramai 83 orang responden daripada 85 orang bersetuju dengan pernyataan tersebut. Manakala, pembuli siber kurang mendapat perhatian yang cukup daripada keluarga dan insan terdekat menjadi faktor kedua tertinggi yang dipersetujui oleh para responden serta diikuti dengan sebab kurangnya pengetahuan nilai-nilai agama dalam diri pembuli siber dengan maklum balas setuju oleh seramai 78 responden terlibat.

Perbuatan buli siber dapat memberikan impak yang buruk kepada mangsa antaranya seperti menyebabkan seseorang yang dibuli ketika melayari alam maya berasa ingin berseorangan dan menjauhkan diri dari bersosial dengan rakan yang lain selepas mereka berpendapat bahawa mereka tidak selamat daripada serangan pembuli atas talian. Seramai 77 orang responden daripada 85 orang yang terlibat bersetuju dengan pernyataan berikut lantas meletakkan mangsa buli siber berasa resah atau marah semasa melayari internet sebagai kesan kedua tertinggi terhadap psikologi individu seseorang yang mengalami masalah buli siber dengan 71 orang responden yang menyetujui pernyataan itu. Seterusnya, jawapan responden yang didapati daripada kajian ini untuk mengetahui tahap pengetahuan mereka tentang impak negatif daripada kesan buli siber adalah mangsa mungkin akan mengalami tekanan perasaan atau yang lebih teruk menyebabkan kemurungan yang membawa kepada percubaan membunuh diri. Mangsa juga boleh memudararatkan tahap kesihatan mereka kerana depresi yang berpanjangan mampu membunuh keyakinan diri seseorang dan keinginan untuk meneruskan kehidupan lagi. Oleh itu, adalah sangat penting untuk kita mengambil berat akan masyarakat yang berada disekeliling hidup kita seperti meneliti perilaku ahli keluarga, rakan terdekat mahupun kenalan supaya dapat mengenalpasti permasalahan awal dan dapat mencegah mereka daripada menjadi mangsa buli siber kelak.

Penghargaan

Penulis artikel ingin mengucapkan ribuan terima kasih dan rasa penghargaan kepada penyayarah yang telah membantu kami dalam menghasilkan penulisan ini dan kepada Pusat Pengajian Umum dan Kokurikulum, Universiti Tun Hussein Onn Malaysia atas peluang yang bermakna untuk penerbitan artikel ini.

RUJUKAN

- [1] Farah SyazwaniAli. (2022). <https://www.sinarharian.com.my/article/181984/berita/nasional/500-panggilan-kes-buli-siber-diterima-setiap-bulan-mmha>
- [2] Meja Rencana. (2022). <https://www.utusan.com.my/renanca/forum/2022/08/buli-siber-berleluasa-di-media-sosial>tanpa-kawalan/
- [3] Hafizah Omar Zaki. (2022). <https://dewanmasyarakat.jendeladb.my/2022/03/15/4866/>
- [4] Luqman Ridhwan Mohamed Nor. (2022). <https://www.kosmo.com.my/2022/02/11/buli-siber-jadi-barah/>
- [5] Nur Alieya Afeeqa binti Rosdaud. (2021). Keburukan Buli Siber Dan Cara Mengatasinya (theinspirasi.my)
- [6] Khairun Nisa' Binti Mohamad Sanusi. (2020). Media sosial pencetus buli siber semakin berleluasa - Minda Rakyat
- [7] Arvin Kumar S/O Jayakumar. (2021). BULI SIBER - Membalik Buku Halaman 1-10 | AnyFlip
- [8] DagangNews. Com. (2021). Buli Siber dalam media digital daripada perspektif Islam | DagangNews.com
- [9] Alizi Alias. (2022).Buli Siber: Kesan Psikologi Dan Peranan Kita | IKRAM
- [10] Nadia Nurshazira Mohd Sharani. (2021). Ketahui Punca Berlakunya Buli Siber (nadibangiukm.com)
- [11] Kasthuri Jeevendran. (2020). Kerana kaki buli siber, gadis malang bunuh diri (malaysiagazette.com)
- [12] Hargeet Kaur a/p Basant singh, 2013)Buli Siber - PORTAL MyHEALTH
- [13] Helma Hassan. (2022) Buli Siber Di Malaysia: Inilah Realiti Yang Menyediakan! - hellodoktor
- [14] Heni Aguspita Dewi,2020) <https://jurnal.unpad.ac.id/>
- [15] Accordino, D. B., & Accordino, M. P. (2011). An Exploratory Study of Face-to-face and Cyberbullying in Sixth Grade Students. American Secondary Education, 40(1): 14-30 <https://eric.ed.gov/?id=EJ951225>

- [16] Hinduja, S., & Patchin, J. W. (2009). Bullying beyond the Schoolyard: Preventing and Responding to Cyberbullying. Thousand Oaks, CA: Corwin Press. <http://girlsschools.org/wp-content/uploads/2019/04/Girls-and-Cyberbullying-Research-Brief.pdf>
- [17] Patchin, J. W., & Hinduja, S. (2012). Cyberbullying Prevention and Response: Expert Perspectives. Taylor and Francis, Hoboken. <https://www.routledge.com/Cyberbullying-Prevention-and-Response-Expert-Perspectives/Patchin-Hinduja/p/book/9780415892377>